



TEBAKAU HALAU ANAI-ANAI DI RUMAH

Tembakau bermanfaat untuk membunuh tungau yang biasanya menyerang anak kecil jika bermain di rumput. Tembakau inilah juga berkesan terhadap anai-anai. Untuk lebih efektif, anda boleh mencampur tembakau dan air lalu dibiarkan satu malam (semalaman) agar memperoleh larutan tembakau. Semburkan air campuran itu pada kayu yang diserang atau juga ke sarangnya.

MENGHALAU LALAT

Masalah lalat di dapur mampu mengganggu kerja-kerja memasak. Untuk menghalaunya, anda perlu menitiskan sedikit cecair peluntur ke atas kain yang kering. Kemudian lap sekitar dapur terutama pada permukaan meja, kabinet dapur dan tempat-tempat lain menggunakan kain itu.



UBI KENTANG TIDAK MUDAH BUSUK

Jangan basuh kentang jika belum hendak digunakan lagi. Pembiakan bakteria akan lebih cepat berlaku apabila kentang berair dan lembap. Kesannya, kentang akan cepat membusuk dan lembik. Bagi mengelakkan kentang cepat busuk, asingkan kentang dengan bawang merah dan bawang putih. Letakkan kentang dan bawang ke dalam



bekas yang berlainan. Simpan kentang pada suhu bilik dan elakkan daripada terkena sinaran cahaya matahari. Jangan blarkan kentang terperap dalam guni ataupun plastik selepas membeli, segera keluarkan kentang dan letakkan ke dalam bekas atau penapis.



AKAR BETIK BANTU RAWAT PENYAKIT

Akar pokok betik dapat merawat beberapa jenis penyakit antaranya menolong membantu pencernaan makanan, dan merawat penyakit buasir. Ia juga dapat melawas pembuangan air kecil. Caranya ialah merebus akar betik dan meminum air rebusannya.

CUKA BERSIHKAN KAIN LAP DAPUR

Sememangnya buntu apabila memikirkan cara-cara untuk menghilangkan kekotoran dan bau-bauan yang melekat di kain pengelap. Apabila kain pengelap bersih dan harum, pastinya mood gelap pun bertukar ceria. Cara-caranya sediakan cuka, air panas, soda bikarbonat dan kain pengelap. Ambil dua atau tiga sudu soda bikarbonat dan masukkan ke dalam bekas yang telah diisi dengan air panas. Kemudian, masukkan pula cuka dalam sukatan 3/4 cawan. Kacau air tadi sehingga



rata. Masukkan kain pengelap ke dalam bekas sehingga terendam sepenuhnya. Biarkan kain selama satu malam. Keesokkannya, bilas kain dengan air bersih dan jemur hingga kering. Anda akan lihat hasilnya yang ketara apabila kain pengelap akan menjadi lebih bersih dan wangi. Kini, anda tidak perlu bimbang lagi untuk menukar kain pengelap yang baru.



KUNYIT HIDUP ELAKKAN KULIT BERPARUT SELEPAS BERSALIN

Dalam masa tiga hari pertama selepas bersalin, sapukan perut dengan kunyit hidup yang ditumbuk halus bersama garam. Barutlah perut seperti biasa. Pada hari keempat sehinggalah selepas pantang, sapukan perut dengan air asam jawa yang telah dimasak dengan cuka. Barutlah perut seperti biasa. Jika anda mengamalkan ini dengan tekun nescaya perut anda tidak akan kelihatan pecah-pecah ataupun berparut.

MEMBERSIHKAN MINYAK GORENG

Kebiasaannya, minyak menjadi hitam selepas digunakan. Jadi untuk menghilangkannya, ambil beberapa keping asam gelugur dan masukkan ke dalam kuali bersama bahan goreng anda. Asam tadi akan menyerap hitam yang ada di dalam minyak dan hasilnya, anda dapat mengguna minyak itu beberapa kali. Selain asam gelugur, anda juga boleh gunakan halia yang dihiris nipis.



MENGHILANGKAN BAU CILI PADA MESIN PENGISAR

Bau cili sukar untuk dihilangkan walaupun dibersihkan menggunakan sabun. Apa kata kali ini, anda cuba hilangkannya dengan mengisar beberapa keping biskut selama beberapa minit. Biskut ini akan menyerap semua bau cili tadi.



DAUN KUCAI & IKAN BILIS TAMBAH SUSU BADAN

Ada setengah wanita yang baharu melahirkan anak menghadapi masalah kurang susu badan. Bagi mengatasi masalah ini, ambil daun kucai dan ikan bilis secukupnya dan rebus. Makanlah bersama nasi panas dan amalkan selalu.

LIMAU NIPIS KEMPISKAN PERUT

Air limau nipis yang anda minum boleh menurunkan berat badan. Caranya, sediakan dua biji limau nipis atau limau kasturi setiap hari. Setelah itu perah airnya ke dalam gelas yang berisi dengan air sejuk lalu masukkan ke dalam peti sejuk. Setelah itu bolehlah dijadikan air minuman setiap kali selepas anda makan tengahari dan makan malam. Cara ini boleh diikuti dengan senaman ringan. Amalkanlah meminumnya selama sebulan, berat badan anda juga akan beransur turun. **MW**

